

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABDUL MANAP
(SEKIJANG)**

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN ANUAR BIN ABDUL MANAP (SEKIJANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini cadangan mewujudkan suatu Standard Operation Procedure (SOP) berhubung keselamatan kanak-kanak di setiap taska di seluruh negara bagi mengelakkan berlakunya insiden kemalangan kepada golongan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan keselamatan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Oleh itu, demi keselamatan kanak-kanak ini Peraturan-Peraturan TASKA 2012 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013.

Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan TASKA 2012 setiap pengusaha TASKA hendaklah mengikut standard yang digariskan di dalam peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak adalah terjamin. Peraturan menggariskan seperti berikut:

- i. Peraturan 28, Pengusaha hendaklah menyediakan dapur atau pantri di dalam suatu bilik, atau di kawasan yang terpencil atau tempat yang terlindung daripada bilik atau kawasan yang digunakan untuk aktiviti kanak-kanak.

- ii. Peraturan 29, bilik air hendaklah disenggarakan dalam keadaan bersih pada setiap masa dan tidak boleh digunakan bagi tujuan lain.
- iii. Peraturan 30, Pengusaha hendaklah mengambil langkah bagi memastikan pendawaian elektrik seperti suis dan soket selamat daripada kanak-kanak.
- iv. Peraturan 31, pula ialah penggunaan cat adalah selamat bagi kanak-kanak dan pengadang yang sesuai hendaklah pengadang yang selamat bagi kanak-kanak serta premis itu mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik.
- v. Peraturan 32, Pengusaha hendaklah menggunakan tempat tidur, peralatan permainan dan perabut yang sesuai dan selamat digunakan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- vi. Peraturan 33, pengusaha hendaklah menyenggarakan perabut dengan baik dan dalam keadaan bersih.
- vii. Peraturan 34, katil dan buaian digunakan adalah selamat dan buaian ayunan atau goyangan adalah tidak dibenarkan.
- viii. Peraturan 35, Pengusaha juga hendaklah mendapatkan nasihat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat mengenai pencegahan

kebakaran dari semasa ke semasa dan hendaklah mematuhi nasihat itu dan

- ix. Peraturan 36, Pengusaha hendaklah memasang gril untuk memastikan keselamatan kanak-kanak.

Kesemua yang dinyatakan di atas wajib dipatuhi oleh semua pengusaha TASKA dan sekiranya seseorang pengusaha tidak mematuhi serta melakukan sesuatu kesalahan dengan tidak mematuhi peraturan ini apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.